

27 MAR 1999

Harakah-Laporan

DUA LAPORAN POLIS DIBUAT TERHADAP HAKAKAH

KUALA LUMPUR, 27 Mac (Bernama) -- Dua laporan polis dibuat hari ini terhadap akhbar Harakah milik PAS kerana menyiarkan kenyataan berunsur fitnah terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan kenyataan yang bersifat menghina mahkamah.

Laporan-laporan polis itu dibuat oleh Ketua Pemuda Umno Wilayah Persekutuan Abdul Azim Mohamad Zabidi di Balai Polis Dang Wangi di sini pagi tadi dan oleh Ketua Pemuda Umno Selangor, Jaya Kusuma Rusman di Balai Polis Petaling Jaya petang ini.

Kedua-dua laporan itu itu dipercayai merupakan kes-kes yang dikenal pasti oleh jawatankuasa petugas yang ditubuhkan oleh Majlis Tertinggi UMNO bagi menangani fitnah terhadap pemimpin parti itu.

Abdul Azim membuat laporan polis tentang satu petikan dalam laporan akhbar itu keluaran 5 Feb 1999.

"Dakwaan-dakwaan palsu itu boleh ditafsirkan sebagai menghasut orang ramai agar menanam perasaan benci kepada Perdana Menteri, pucuk pimpinan negara serta Kerajaan Malaysia," katanya dalam laporan polis itu.

Bercakap kepada pemberita kemudian Abdul Azim berkata laporan itu merupakan satu tindakan awal bagi menghadapi masalah yang ditimbulkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Katanya pergerakan itu akan mengambil beberapa tindakan lain untuk menghentikan segala tohmahan, fitnah atau berita palsu seumpamanya dengan menggunakan saluran sedia ada.

Jaya Kusuma pula membuat laporan polis tentang dua petikan laporan Harakah terbitan 22 Mac lepas berhubung satu komen tentang perbincaraan kes Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Saya merasakan kenyataan itu akan difahami oleh pembaca akhbar berkenaan sebagai bermaksud bahawa keputusan mahkamah sudah ditentukan terlebih dahulu sungguhpun perbincaraan masih berjalan," katanya dalam laporan polis itu.

Beliau berkata kenyataan itu juga boleh ditafsirkan sebagai bertujuan menimbulkan anggapan wujudnya campur tangan kerajaan dalam sebarang keputusan mahkamah dan seolah-olah menghasut orang ramai supaya menanam prasangka terhadap kebebasan institusi kehakiman di negara ini.

Bercakap kepada pemberita kemudian Jaya Kusuma berkata, laporan polis itu dibuat kerana kenyataan itu dilihat sebagai usaha untuk menimbulkan provokasi antara rakyat dan institusi kehakiman.

-- BERNAMA

AFY MAI